

MEMBENTUK PERPADUAN MELALUI KONSEP ISLAH MENURUT PERSPEKTIF AL-QURAN

Nurzatil Ismah binti Azizan
Universiti Islam Selangor
Email: nurzatil@uis.edu.my

Nazneen binti Ismail
Universiti Islam Selangor
Email: nazneen@uis.edu.my

ABSTRAK

Perpaduan merupakan aspek penting dalam kehidupan bermasyarakat terutama masyarakat majmuk di Malaysia, dengan perpaduan masyarakat akan hidup dalam keadaan yang harmoni. Perpaduan difahami sebagai sesuatu yang kukuh, utuh, teguh dan kuat manakala Islah pula ialah mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam yang sebenar dengan usaha yang tepat dan sesuai. Perpaduan masyarakat dapat dicapai dengan meneliti konsep Islah yang terdapat dalam al-Quran untuk diamal dan dihayati dalam kehidupan seharian. Penulisan ini bertujuan meneliti pembentukan perpaduan melalui konsep Islah menurut perspektif al-Quran. Kajian ini menggunakan pendekatan kajian kualitatif dengan rekabentuk kajian pensejarahan. Instrumen kajian ialah dokumen dan dianalisis dengan pendekatan tematik serta induktif. Hasil kajian mendapati bahawa al-Quran memaparkan konsep Islah dalam mengembalikan masyarakat kepada ajaran Islam dengan menekankan perpaduan dalam memikul tanggungjawab, mendamaikan orang yang bersengketa dan bersatu dalam melindungi hak anak yatim. Dalam membentuk perpaduan pada masa kini wajar diambil intipati Islah dalam al-Quran dengan memberi penekanan terhadap menyokong kebenaran meliputi melakukan perkara yang baik dan menghalang perkara yang buruk, memberi fokus kepada keutuhan institusi kekeluargaan kerana keluarga adalah institusi penting dalam masyarakat. Selain itu perpaduan dicapai dengan mendamaikan persengketaan dalam masyarakat agar dapat mencapai keharmonian dan bersatu memelihara hak-hak orang yang lemah seperti anak yatim menjadikan perpaduan dalam dicapai dengan baik.

Kata Kunci : Perpaduan, Kesatuan, Islah, al-Quran

1. Pengenalan

Perpaduan ditakrifkan sebagai penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan, perihal bersepadu (bergabung menjadi satu, sepakat dll) (Kamus Dewan, 2007). Kalimah perpaduan sinonim dengan kukuh, teguh, utuh, kuat. Dalam konteks sosial, ia merujuk kepada kesatuan antara anggota masyarakat yang menjadi faktor utama kepada pembentukan masyarakat ideal. Al-Farabi merupakan antara tokoh yang terawal membincangkan konsep masyarakat ideal dalam karyanya *Ara' Ahl al-Madinah al-Fadilah*. Ciri utama masyarakat ini adalah dari segi kesatuan tujuan mereka iaitu mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Natijahnya, semua tindakan dan keputusan yang diambil baik dari segi sosial mahupun ekonomi adalah berpaksikan kepada matlamat tersebut (Nur Alisa et al., 2023).

Kepentingan perpaduan dalam masyarakat boleh dilihat daripada model Negara Madinah di mana Rasulullah SAW telah mengambil langkah pertama dalam pembinaan negara dengan menyatupadukan antara umat Islam iaitu antara Muhajirin dan Ansar. Hubungan ini menjadi tumpuan baginda di atas hubungan keimanan kepada Allah SWT dan Hari Akhirat. Selain daripada kesatuan akidah menjadi faktor penghubung antara kaum muslimin, peranan sebagai umat yang beriman juga berfungsi dalam memenuhi hak dan menunaikan tanggungjawab kepada negara secara adil serta saksama (Sarom & Sudi, 2022). Rentetan daripada keteguhan akidah sebagai faktor utama, asas lain bagi pembinaan masyarakat Islam ialah bersatu padu dan mengetahui peranan, hak serta tanggungjawab dalam masyarakat (Nor Jefri et al, 2019).

Dalam al-Quran, terdapat sebilangan ayat yang menggunakan kalimah *ummah* antaranya ialah *ummah muslimah* (al-Quran 2:128, 3:104, 7:159,181) merujuk kepada ummah yang menyeru kebaikan, *ummah wasata* (al-Quran 2:143) merujuk kepada sekumpulan manusia yang menjadikan prinsip kesederhanaan sebagai cara hidup dan *ummah wahidah* (al-Quran 2:213, 5:48), *ummah qa'imah* (al-Quran 3:113) dan *ummah qanitan* (al-Quran 16:120) iaitu mereka yang komited menegakkan kebenaran, bersegera melaksanakan (semua) amalan kebaikan serta *ummah muqtasidah* (al-Quran 5:66) merujuk kepada golongan yang sederhana. Ringkasnya, *ummah* yang mempunyai segala ciri dan kriteria yang dikehendaki Allah SWT dan dijelaskan Rasul-Nya dianggap sebaik-baik *ummah* atau ummah yang terbaik yang menjadi saksi dan hujjah Allah di bumi ke atas sekalian makhluk-Nya (W.Ali, 2010).

Meskipun begitu, perpaduan umat Islam merupakan perkara yang perlu diusahakan oleh setiap daripada mereka. Ini kerana perpecahan merupakan perkara yang tidak diredai Allah SWT. Firman Allah SWT:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَاذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ فُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ
بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٣٠﴾

Maksudnya:

Dan berpeganglah kamu semuanya kepada tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai, dan ingatlah akan nikmat Allah kepadamu ketika kamu dahulu (masa Jahiliyah) bermusuh-musuhan, maka Allah mempersatukan hatimu, lalu menjadilah kamu karena nikmat Allah, orang-orang yang bersaudara; dan kamu telah berada di tepi jurang neraka, lalu Allah menyelamatkan kamu dari padanya. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat-Nya kepadamu, agar kamu mendapat petunjuk. (Ali Imran: 103)

Melalui ayat ini, orang beriman diperintahkan agar tetap teguh berpegang dengan iman, taat dan mengamalkan al-Quran serta kekal berpegang teguh dengan al-Quran dan perintah Allah swt. Di samping itu, mereka juga diperintahkan agar tetap memelihara perpaduan sesama umat berdasarkan ketaatan kepada Allah swt. Umat Islam juga diingatkan tentang nikmat yang paling besar iaitu nikmat kesatuan, nikmat saling mencintai dan nikmat persaudaraan iman sehingga mereka berjaya mencapai satu tahap iaitu menjadi pemimpin manusia yang lain. Ini kerana pada dasarnya tidak ada satu umat yang memiliki unsur-unsur kesatuan antara anggitanya seperti yang dimiliki oleh umat Islam. Namun, umat Islam hari ini menjadi umat yang jauh daripada perpaduan baik dari segi penetapan matlamat mahupun pendekatan. Ini kerana perbezaan atau perselisihan yang berlaku berpunca daripada keinginan menuruti hawa nafsu dan kepentingan peribadi. Sikap ini menimbulkan saling membenci, saling bermusuhan bahkan sehingga saling berbunuhan (al-Zuhaili, 2013). Sikap ini menjadi pencetus kepada pelbagai cabaran lain dalam memupuk perpaduan umat Islam iaitu kejahatan diri sendiri, sikap zalim dalam masyarakat, sikap hasad dengki dan iri hati, keperluan dan tuntutan hidup mereka yang tidak dipenuhi, kelemahan umat, isu ekstremisme (asabiyyah), gaya hidup materialistik, pertentangan ideologi, perbezaan mazhab serta politik (W. Ali, 2010).

2. Perpaduan Menurut Perspektif Islam.

Memelihara perpaduan merupakan perintah Allah swt kepada seluruh umat Islam serta melarang daripada berpecah belah dan berselisih. Allah swt juga telah memberi panduan kepada umat Islam iaitu dengan berpegang teguh kepada al-Quran dan agamanya melalui dakwah kepada kebaikan, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran. Dakwah bermaksud mengingatkan kepada

Allah SWT dan hari kiamat, memandu orang lain kepada Islam dan menjaga diri daripada sebarang bentuk penyimpangan serta kesesatan. Ini bertujuan untuk memelihara perpaduan dan kesatuan umat, memberi petunjuk kepada manusia lain, memperbanyakkan umat Islam, membentuk ikatan solidariti dan saling membantu dalam setiap usaha ke arah membina peradaban yang kuat, maju dan mulia (al-Zuhaili, 2013). Sabda Rasulullah SAW:

مَثَلُ الْمُؤْمِنِينَ فِي تَوَادُّهِمْ، وَتَرَاحُمِهِمْ، وَتَعَاطُفِهِمْ مَثَلُ الْجَسَدِ إِذَا اشْتَكَى مِنْهُ عُضْوٌ تَدَاعَى لَهُ سَائِرُ الْجَسَدِ
بِالسَّهْرِ وَالْحَمَى

Maksudnya:

Perumpamaan kaum Mukminin dalam sikap saling mencintai, mengasihi dan menyayangi bagaikan satu tubuh. Jika ada salah satu anggotanya sakit, maka anggota tubuh yang lainnya sama-sama ikut merasakannya dengan cara tidak boleh tidur dan demam.

(HR Muslim, no 66)

Antara elemen perpaduan yang diajarkan dalam Islam ialah keimanan dan ketakwaan, keadilan, kebersamaan dan saling bekerjasama, berkasih sayang, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran, persaudaraan, musyawarah dan persamaan.

i. Keimanan dan ketakwaan.

Tauhid merupakan teras kepada penyatuan ummah. Maka, ia perlu ditanam dalam jiwa setiap umat Islam sekali gus memanasifasikan Islam sebagai al-Din. Dalam al-Quran, Allah SWT memerintahkan Rasulullah SAW dan umat Islam supaya bersatu padu serta tidak berpecah belah dalam urusan tauhid dan agama (al-Syura: 13). Keimanan yang mutlak kepada Allah SWT dengan keimanan kepada hari akhirat akan mendorong umat Islam membersihkan diri daripada perbuatan mungkar dan berusaha mencapai kesempurnaan dengan beramal soleh. Selain itu, ia juga membentuk satu umat yang meletakkan pergantungan kepada Allah SWT dalam setiap usaha (Sarom & Sudi, 2022).

ii. Keadilan.

Prinsip keadilan penting dalam sesebuah masyarakat. Ia merangkumi keadilan ekonomi, sosial dan politik. Dalam sebuah negara, peranan pemimpin yang adil sangat diambil berat. Ia kerana pemimpin yang adil akan melaksanakan hukum Allah SWT, menghukum manusia sesuai dengan syariat agama serta meletakkan sesuatu pada tempat yang benar dan waja (Sarom & Sudi, 2022). Sekiranya keadilan tidak ditegakkan, maka kezaliman akan mengambil tempat sehingga berlakunya perpecahan dalam masyarakat.

iii. Kebersamaan (*Ta'awun*)

Elemen ini berkait dengan rasa keterkaitan antara anggota masyarakat. Bagi menjamin keharmonian dan mempertahankan perpaduan, umat Islam perlu teguh atas perintah Allah SWT supaya saling bekerjasama atas kebajikan (*birr*) dan takwa serta tidak bekerjasama atas dosa dan permusuhan (al-Ma'idah: 2). Menurut al-Zuhaili (2013), kebajikan bermaksud segala perintah dan larangan syariat atau setiap sesuatu yang hati merasa tenang dan nyaman terhadapnya. Manakala dosa dan permusuhan bermaksud setiap perkara yang dilarang syariat atau sesuatu yang hati merasa bimbang

terhadapnya dan tidak ingin ada orang lain melihat dan mengetahuinya. Allah SWT turut melarang umat Islam saling membantu atas pelanggaran hak-hak orang lain. Dosa dan permusuhan ini mencakupi setiap bentuk kejahatan yang pelakunya berdosa serta melanggar batasan Allah SWT dengan melakukan penganiayaan dan pencerobohan terhadap orang lain.

iv. Berkasih sayang

Berkasih sayang merupakan sifat rahmah sebagaimana tujuan perutusan baginda Rasulullah SAW sebagai rahmat kepada sekalian alam. Sifat ini juga dikurniakan ke dalam jiwa-jiwa orang beriman dan beramal soleh (Maryam: 96). Allah akan menganugerahkan rasa kasih terhadap mereka di dalam hati hamba-hambaNya tanpa sebarang sebab atau usaha dari mereka agar dikasihi oleh hamba hamba-Nya tersebut. Mereka akan dicintai oleh orang-orang, mereka saling mencintai, dan Allah SWT juga mencintai mereka iaitu meredai mereka (al-Zuhaili, 2013). Maka, seharusnya umat Islam ini menghindari perbuatan-perbuatan yang menyakiti orang lain seperti merendahkan, menghina, meremehkan orang lain, mencela, mengolok-olokkan orang lain sama ada dengan isyarat atau ucapan, memanggil atau menggelar orang lain dengan gelaran yang tidak disukai, berburuk sangka, mengintai-intai keburukan orang dan mengumpat (al-Hujurat: 11-12). Sifat-sifat yang dilarang ini kesemuanya membawa kepada permusuhan dan perpecahan dalam masyarakat.

v. Menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran

Amalan menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran merupakan salah satu cara bagi membuktikan satu-satu kelompok muslimin itu benar-benar berpegang dengan agama Islam. Kewajipan amar ma'ruf nahi mungkar ini merupakan tanggungjawab bagi setiap mukmin sesuai dengan kemampuan mereka. Ia seperti hadis Rasulullah SAW:

مَنْ رَأَى مِنْكُمْ مُنْكَرًا فَلْيُغَيِّرْهُ بِيَدِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِلِسَانِهِ، فَإِنْ لَمْ يَسْتَطِعْ فَبِقَلْبِهِ، وَذَلِكَ أَضْعَفُ الْإِيمَانِ.

Maksudnya:

Barangsiapa di antara kalian yang melihat kemungkaran, maka ia harus mengubahnya dengan tangannya, namun jika tidak mampu dengan tangannya, maka dengan lisannya, namun jika tidak mampu dengan lisannya, maka dengan hatinya dan ini adalah selemah-lemahnya (amal) keimanan. (HR Muslim, no 78)

Kelemahan umat dalam melaksanakan *amar ma'ruf nahi mungkar* merupakan punca kepada perpecahan dalam satu-satu umat di samping keengganan untuk menerima kebenaran meskipun telah ditunjukkan dalil dan bukti (al-Zuhaili, 2013). Hal ini berlaku kepada golongan Ahli Kitab yang dihukum Allah SWT dengan permusuhan sesama sendiri serta kehinaan di dunia ini dan dijanjikan neraka di akhirat kelak (Al-Maidah: 78-79). Perselisihan yang dilarang dan dicela adalah perselisihan di dalam masalah pokok-pokok akidah dan mengikuti perkataan hawa nafsu dan kepentingan peribadi di dalam masalah-masalah yang bersifat umum (al-Zuhaili, 2013).

vi. Persaudaraan

Orang-orang Mukmin adalah saudara seagama dan seakidah yang menjadi sebab kehidupan abadi. Persaudaraan seagama lebih kuat dan lebih kekal dari persaudaraan nasab dan kawan. Maka, hubungan ini perlu dipelihara dengan sebaiknya sebagaimana perintah Allah SWT agar segera mendamaikan saudara seIslam yang sedang bersengketa serta bertakwa kepada Allah SWT agar terhindar daripada pelanggaran dan pengabaian hukum-Nya (Al-Hujurat: 10). Perintah ini diberi tumpuan utama kepada para pemerintah apabila berhadapan dengan dua kelompok dari kaum

Muslimin yang berseteru. Para pemerintah perlu mendamaikan mereka dengan memberi nasihat, mengajak kembali kepada hukum Allah SWT, memberi bimbingan serta menghilangkan salah faham dan punca perselisihan. Namun, sekiranya ada golongan yang melampaui batas terhadap golongan yang lain serta enggan tunduk kepada hukum Allah SWT, maka mereka perlu diperangi sehingga kembali kepada hukum dan perintah Allah SWT. Justeru, pihak pendamai perlu berlaku adil agar keputusan yang diambil tidak menzalimi mana-mana pihak dan mencapai tujuan utama iaitu kembali damai dan tunduk kepada hukum Allah SWT (al-Zuhaili, 2013).

vii. Musyawarah

Musyawahar atau bermesyuarat merupakan sunnah Rasulullah SAW yang ditunjukkan baginda agar kaum muslimin sama-sama merasa tenang dan terdorong untuk melakukan apa yang telah diputuskan. Perkara ini boleh dilihat dalam siri peperangan baginda seperti Perang Badar, Perang Uhud, Perang Khandak dan Peristiwa Hudaibiyah. Malah, dalam peristiwa al-'Ifk di mana tersebarnya fitnah berkaitan isteri baginda, baginda telah menanyakan pandangan para sahabat berhubung tindakan yang perlu diambil. Antara kelebihan musyawarah adalah ia mengandungi nilai penghormatan kepada semua ahli mesyuarat, membuka ruang untuk mendapatkan pelbagai pandangan dan idea berkaitan satu-satu isu serta menyatukan langkah dan memilih pandangan yang paling tepat. Setelah keputusan diambil, maka langkah seterusnya adalah bertawakkal kepada Allah SWT (al-Zuhaili, 2013).

viii. Persamaan

Kepelbagaian dalam masyarakat bukan satu alasan untuk menciptakan perpecahan. Malah, Islam menegaskan kerencaman ini merupakan sunnatullah yang bertujuan untuk saling mengenali antara satu sama lain (al-Hujurat: 13). Keutamaan di sisi Allah SWT adalah semata-mata darjat takwa dalam diri. Maka, tidak bermanfaat perbuatan membangga-banggakan diri dan nasab sesama manusia kerana semuanya berasal daripada keturunan yang sama iaitu Nabi Adam AS dan diciptakan dari tanah (al-Zuhaili, 2013). Hadis Rasulullah SAW:

إِنَّ اللَّهَ لَا يَنْظُرُ إِلَىٰ أَجْسَامِكُمْ وَلَا إِلَىٰ أَحْسَابِكُمْ , وَلَكِنْ يَنْظُرُ إِلَىٰ قُلُوبِكُمْ , فَمَنْ كَانَ لَهُ قَلْبٌ صَالِحٌ تَحَنَّنَ اللَّهُ [عَلَيْهِ] , فَإِنَّمَا أَنْتُمْ بَنُو آدَمَ , وَأَحْبَبُّكُمْ إِلَيَّ أَنْفَاقَكُمْ

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah SWT tidak memandang fizikal kalian, tidak pula kedudukan kalian, tetapi Allah SWT memandang hati kalian. Barangsiapa memiliki hati yang soleh, maka Allah SWT menaruh belas kasih kepadanya. Sesungguhnya kalian adalah keturunan Adam dan orang yang paling dicintai-Nya di antara kalian adalah orang yang paling bertakwa di antara kalian. (HR al-Tabrani, no 1678)

3. Membentuk Perpaduan Melalui Konsep Islah Menurut Perspektif al-Quran.

Berdasarkan perbahasan berkenaan perpaduan yang telah dibincangkan membuktikan bahawa konsep perpaduan dalam Islam saling berkait dengan konsep Islah. Islah ialah mengembalikan kepada sesuatu dalam bentuk yang asal (Hamidah, 2021). Ia juga difahami sebagai suatu usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada suatu keadaan yang betul, tepat dan sesuai (Kamus Dewan, 2007). Islah merujuk kepada usaha untuk mengembalikan atau memperbaiki sesuatu keadaan kepada keadaan yang lebih baik bertepatan dengan ajaran Islam dalam pelbagai aspek seperti kembalikan masyarakat kepada amalan nilai-nilai Islam, memperbaiki akhlak dan meningkatkan keimanan kepada Allah swt. Kertas kerja ini membahaskan konsep islah yang disebut dalam al-Quran bertujuan membentuk perpaduan dalam kalangan umat Islam.

3.1 Bersatu Dalam Memikul Tanggungjawab

Allah SWT memberikan pelbagai nikmat kepada umat manusia dan seharusnya nikmat tersebut dipelihara bersama agar dapat dinikmati secara berterusan. Setiap umat Islam perlu bersatu dalam memikul tanggungjawab terhadap pemeliharaan bumi dengan tidak melakukan kerosakan.

Firman Allah swt:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا ۚ إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ٥٦

Maksudnya: Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadaNya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharapkan (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang-orang yang memperbaiki amalannya.

(Surah al-‘Araf (7): 56)

Allah SWT melarang melakukan kerosakan di muka bumi, pelbagai urusan telah berjalan dengan baik mengikut aturan Allah swt namun jika berlaku kerosakan ianya akan mendatangkan bahaya kepada manusia. Allah SWT melarang daripada berlakunya perkara tersebut dan memerintahkan supaya beribadah, berdoa, merendah diri dan tunduk kepada Allah SWT dengan rasa takut siksaan Allah SWT dan mengharapkan pahala daripada Allah swt. Allah swt mempersiapkan rahmat bagi orang-orang yang melakukan kebajikan dan meninggalkan laranganNya (Ibn Kathir, 2000). Ayat ini menekankan pentingnya menjaga kelestarian dan keseimbangan di bumi setelah diperbaiki oleh Allah SWT. Tindakan untuk tidak merosakkan bumi ciptaan Allah SWT tersebut menunjukkan tanggungjawab manusia sebagai khalifah di bumi. Ayat ini mengajarkan kepada manusia agar bersatu memikul tanggungjawab untuk memelihara apa yang telah diberikan oleh Allah SWT. Menjaga alam adalah sebahagian dari ibadah kepada Allah SWT dan ia adalah amanah dan tanggungjawab bersama.

Individu yang bertanggungjawab adalah seorang yang mengamalkan sifat amanah dalam diri. Sifat amanah penting supaya manusia melaksanakan hak kepada Allah swt dan tidak melampaui batas (al-Ghazali, 1980). Amanah dalam Islam mempunyai makna yang luas. Ia tertumpu pada sesuatu tanggungjawab yang diserahkan padanya dan ia bertanggungjawab di hadapan Allah SWT. Amanah dilihat dari perspektif hadis memaparkan bahawa seseorang yang tidak amanah menunjukkan tiada sifat malu dalam diri malah amanah adalah sifat yang membezakan antara seorang mukmin dan munafik (Nurzatil, 2017). Umat Islam yang bersatu dalam memikul tanggungjawab memastikan tiada kerosakan di bumi merupakan umat yang berpegang kepada Amanah. Allah swt mengurniakan nikmat di atas muka bumi agar manusia dapat hidup aman dan harmoni.

3.2 Bersatu Dalam Mendamaikan Manusia.

Kehidupan yang harmoni merupakan salah satu aspek mencapai kebahagiaan dalam hidup bermasyarakat. Masyarakat yang bertamadun memelihara akhlak agar tidak berlaku persengketaan, malah Allah swt menggalakkan perdamaian antara manusia.

Firman Allah swt:

﴿ لَا خَيْرَ فِي كَثِيرٍ مِّنْ نُّجْوَاهُمْ إِلَّا مَنْ أَمَرَ بِصَدَقَةٍ أَوْ مَعْرُوفٍ أَوْ إِصْلَاحٍ بَيْنَ النَّاسِ ۗ وَمَن يَفْعَلْ ذَلِكَ اتَّبِعْنَا ۗ مَرْضَاتِ اللَّهِ فَسَوْفَ نُؤْتِيهِ أَجْرًا عَظِيمًا ۝ ١١٤ ﴾

Maksudnya: Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisik-bisikan mereka, kecuali (bisik-bisikan) orang yang menyuruh bersedekah, atau berbuat kebaikan, atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar. (Surah al-Nisa (4):114)

Ayat tersebut menjelaskan bahawa tidak ada bisikan (cakap secara perlahan supaya tidak diketahui oleh orang lain) kecuali berbisik tentang perancangan untuk bersedekah, melakukan kebaikan dan juga mendamaikan manusia yang bersengketa. Orang-orang yang melakukan perkara ini untuk mendapat keredaan Allah swt akan diberikan pahala yang besar. Sikap tersebut mendatangkan manfaat yang besar dalam kehidupan. Ianya dinyatakan dalam hadis Nabi saw “Daripada Ummu Habibah, Rasulullah saw bersabda “Perkataan anak Adam memudaratkan dirinya, tidak memberikan manfaat bagi dirinya kecuali zikrullah, atau menganjurkan kebajikan, atau melarang perbuatan mungkar (Ibn Kathir, 2000).

Terdapat banyak sebab berlaku persengketaan dalam hubungan antara manusia seperti salah faham, dendam, iri hati dan pelbagai unsur negatif yang lain. Persengketaan boleh berlaku di antara saudara, jiran dan suami isteri. Islam agama yang syumul sehingga wujud hakam sebagai pendamai suami isteri. Hakam adalah orang tengah atau penimbang tara yang dilantik oleh mahkamah untuk menyelesaikan pertikaian atau shiqaq di antara suami isteri. Shiqaq merupakan pertelingkahan yang tidak dapat diselesaikan antara suami dan isteri sehingga menyebabkan keduanya tidak dapat hidup bersama menjalankan tanggungjawab dan saling menghormati antara satu sama lain (Zanariah, 2023). Daripada ayat tersebut dapat difahami bahawa setiap manusia harus bersatu dalam mendamaikan manusia yang bersengketa agar kehidupan harmoni dapat dicapai.

3.3 Bersatu Dalam Melindungi Hak Anak Yatim

Memelihara anak yatim merupakan tuntutan dalam agama Islam. Malah Allah swt menjanjikan pahala yang besar bagi sesiapa yang menjaga kebajikan anak yatim.

Firman Allah swt:

﴿ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ ۗ وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْيَتَامَىٰ ۗ قُلْ إِصْلَاحٌ لَهُمْ خَيْرٌ ۗ وَإِن تُخَالِطُوهُمْ فَإِخْوَانُكُمْ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ الْمُفْسِدَ مِنَ الْمُصْلِحِ ۗ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَأَعْنَتَكُمْ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَزِيزٌ حَكِيمٌ ۝ ٢٢٠ ﴾

Maksudnya: Mengenai (urusan-urusan kamu) di dunia dan di akhirat dan mereka bertanya lagi kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (masalah) anak-anak yatim. Katakanlah: "Memperbaiki keadaan anak-anak yatim itu amatlah baiknya", dan jika kamu bercampur gaul dengan mereka (maka tidak ada salahnya) kerana mereka itu ialah saudara-saudara kamu (yang seagama); dan Allah mengetahui akan orang yang merosakkan (harta benda mereka) daripada orang yang hendak memperbaikinya. Dan jika Allah menghendaki tentulah Ia memberatkan kamu (dengan mengharamkan bercampur gaul dengan mereka). Sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (Surah al-Baqarah (2):220)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa beberapa urusan berkaitan anak yatim dari aspek memelihara, penjagaan harta dan kebajikan mereka. Ia berikutan anak yatim mempunyai hak tersendiri dalam Islam iaitu hak nafkah, perlindungan harta, pendidikan, mendapat kasih sayang dan perhatian, serta hak pewarisan (Nur Faizah, 2024). Ganjaran yang dikurniakan Allah swt kepada orang yang memelihara anak yatim disebutkan dalam hadis Nabi saw "Orang yang menanggung anak yatim miliknya atau milik orang lain, aku dan dia seperti dua ini (Nabi saw mengisyaratkan dengan dua jari baginda saw) di syurga". (Riwayat Muslim, no 2983). Namun terdapat juga ayat al-Quran yang mencela orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim.

Masyarakat arab jahiliah telah terbiasa mengambil manfaat daripada anak yatim malah mengahwini anak yatim kerana inginkan hartanya agar harta tersebut tidak hilang daripada mereka. Dan Allah swt turunkan ayat yang mencela orang-orang yang mengambil harta anak yatim "Sesungguhnya orang-orang yang memakan harta anak yatim secara zalim hanyalah memakan api dalam perutnya." (Al-Nisa (4): 10) dan Allah swt juga berfirman "Dan janganlah kamu mendekati harta anak yatim, melainkan dengan cara yang lebih baik. " An'am (6): 152) Ketika itu anak-anak yatim terabai kerana takut ancaman dan azab Allah swt sehingga turun ayat tersebut (al-Razi, 1981). Penjelasan berkenaan hak anak yatim menunjukkan bahawa setiap umat Islam perlu bersatu dalam menjaga haka nak yatim agar hak mereka dipelihara.

4. Kesimpulan

Islam agama yang syumul dan menjaga keharmonian kehidupan manusia dengan konsep perpaduan iaitu menekankan aspek keimanan dan ketakwaan, keadilan, kebersamaan dan saling bekerjasama, berkasih sayang, menyeru kepada ma'ruf dan mencegah kemungkaran, persaudaraan, musyawarah dan persamaan. Perpaduan dan islah saling melengkapi, antara perpaduan yang boleh diambil daripada konsep Islah dalam Islam ialah bersatu dalam memikul tanggungjawab, mendamaikan manusia yang bersengketa serta melindungi hak anak yatim.

5. Penghargaan

Penghargaan diberikan kepada Geran Penyelidikan dan Inovasi UIS 2023 No. Geran: 2023/GPIU/GPM-004, Universiti Islam Selangor (UIS) yang bertajuk 'Pendekatan Pengajaran Turath di Institusi Pengajian Tinggi Islam Malaysia'.

6. Rujukan

- Al-Razi, Fakhr al-Din (1981). Mafatih al-Ghaib. Beirut: Dar al-Fikr
- Al-Zuhaili, Wahbah bin Mustafa. (2013). *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidah wa al-Syariah wa al-Manhaj*. Terj. Jakarta: Gema Insani Sdn Bhd.
- Hamidah Jalaria, Nor Adina Abdul Kadirb , Nang Naemah Nik Dahalan (2021). Pemikiran Islah Yusuf Rawa Dalam Majalah Al-Islah. *Journal of Islamic Philanthropy & Social Finance (JIPSF)* Vol. 3(2), 2021, 14-33, https://www.cipsf.my/images/pdf/jipsf/oct2021/JIPSF-3_22021_14-33.pdf
- Ibn Kathir, Ismail b Umar (2000) Tafsir al-Quran al-‘Azim. Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Kamus Dewan: Edisi keempat*. (2007). Sheikh Othman bin Sheikh Salim (Pnyt.). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Jefri, Nurul Izzaty; Shaharin, Nuraisyah Syakirin; Jasmi, Kamarul Azmi (2019). Media Sosial dan Pembentukan Masyarakat Menurut Islam dlm Jasmi, Kamarul Azmi (Ed.), *Prosiding Seminar Sains Teknologi dan Manusia 2019 (SSTM'19)*, 157-176.
- Nur Alisa, Siradjuddin, dan Misbahuddin. (2023). Konsep Negara dan Masyarakat Ideal Menurut Al-Farabi dalam Sudut Pandang Ekonomi. *SYARIKAT : Jurnal Rumpun Ekonomi Syariah* 6(2). 493-506. [https://doi.org/10.25299/syariat.2023.vol6\(2\).13338](https://doi.org/10.25299/syariat.2023.vol6(2).13338)
- Nur Faizah (2024). Pemenuhan Nafkah Bagi Anak Yatim Dalam Perspektif Hukum Islam. S-Sakinah: *Jurnal Hukum Keluarga Islam*, bil 2 (1).43-56, <https://www.lp3mzh.id/index.php/jhki/article/view/338/271>
- Nurzatil Ismah Azizan, Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid, Aza Shahnaz Azman, Mazlina Che Malik, Hairol Nizam Wahid (2017). Konsep Amanah Menurut Perspektif Hadith, *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (Irsyad 2017) 3 Rd International Conference On Islamiyyat Studies (Irsyad2017)*, <https://conference.uis.edu.my/irsyad/images/e proceeding/2017/1045.pdf>
- Sarom, M., & Sudi @ Yusoff, S. (2022). Langkah Perpaduan Sunnah Nabawiyah Sebagai Nilai Tambah Kepada Agenda Perpaduan Negara. *HADIS*, 12(23), 51-62. <https://doi.org/10.53840/hadis.v12i23.184>
- W.Ali, W.Z. Kamaruddin. (2010). Realiti Perpaduan Ummah dan Cabarannya: Analisis dari Perspektif Pemikiran Islam. *Toleransi* 2 (2), Dec. 2010, doi:10.24014/trs.v2i2.430.
- Zanariah Dimon(Corresponding Author)Zaini Yusnita Mat Jusoh, sharifah Hana Abd. Rahman, nurhidayah Azahari. (2023). Hakam Sebagai Kaedah Penyelesaian Alternatif Bagi Shiqaq Dalam Perkahwinan, *Journal Of Muwafaqat* 6 (1), 2023, 73-86, <https://muwafaqat.kuis.edu.my/index.php/journal/article/view/144/97>